

Digitalisasi adalah kunci bagi mengekalkan pertumbuhan di negara-negara membangun Asia, kata laporan terbaru

Manila, 14 November 2017 – Digitalisasi dapat memupuk pertumbuhan berterusan di negara-negara membangun Asia (sepuluh negara anggota Persatuan Bangsa-Bangsa Asia Tenggara, China dan India) dalam jangka masa sederhana, menurut Tinjauan Ekonomi OECD untuk Negara-negara Asia Tenggara, China dan India 2018.

Pertumbuhan KDNK di negara-negara membangun Asia dijangka akan terus kukuh sepanjang jangka sederhana berikutan dengan permintaan domestik yang berdaya tahan, pelaburan yang mantap dan pemulihan perdagangan antarabangsa. Pertumbuhan tahunan di negara-negara membangun Asia, khususnya ASEAN, dijangkakan akan kekal stabil pada tahun 2017, di mana pertumbuhan pada tahun 2016 diteruskan. Pertumbuhan di China dan ASEAN dijangka akan meningkat disebabkan oleh pemulihian yang kukuh dalam aktiviti perdagangan dan penggunaan domestik yang berdaya tahan, manakala pertumbuhan ekonomi di India dijangkakan akan berkurang disebabkan oleh cukai dan pembaharuan yang dilakukan dalam sektor kewangan. Dengan mengandaikan momentum perdagangan kekal bertahan, reformasi domestik akan berterusan, dan kerajaan-kerajaan melaksanakan program infrastruktur mereka, negara-negara membangun Asia dijangka akan mencatat pertumbuhan purata sebanyak 6.3% antara tahun 2018 dan tahun 2022. Pertumbuhan Asia Tenggara juga akan terus kukuh pada kadar 5.2% dalam tempoh yang sama.

Menurut Tinjauan tersebut, risiko-risiko utama bagi pertumbuhan ekonomi kini adalah termasuk faktor-faktor kebarangkalian penguncupan dasar monetari yang lebih pesat di negara-negara maju; sekatan perdagangan secara berleluas di peringkat global, ditambah pula dengan faktor kemajuan yang terhad dalam perjanjian perdagangan serantau; dan juga kenaikan mendadak hutang dalam sektor swasta.

"Negara-negara membangun Asia yang sedang berkembang tidak mampu melepaskan peluang yang ada pada kuasa transformasi digitalisasi," kata Mario Pezzini, Pengarah Pusat Pembangunan OECD dan Penasihat Khas kepada Setiausaha Agung OECD mengenai Pembangunan, sewaktu melancarkan laporan pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2017, yang juga menandakan ulang-tahun ke-50 ASEAN.

Bab istimewa Outlook ini menyelidik kesan digitalisasi ke atas negara-negara membangun Asia, termasuk kesan ke atas pengembangan industri sedia ada dan kemunculan yang baru, seperti dalam sektor-sektor pembuatan elektronik, pembangunan perisian dan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) di Viet Nam; sektor-sektor perniagaan dan proses penyumberan luar di Filipina; dan sektor bayaran mudah alih di China. Sebahagian besar daripada nilai eksport dari sesetengah negara-negara membangun Asia terdiri dari perkhidmatan ICT yang terkandung dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan – ia mencapai 14.9% daripada seluruh eksport perkhidmatan kasar di India. Apa yang menarik adalah nilai tambah digital yang terkandung dalam nilai eksport sektor perkhidmatan: secara purata, 85.3% perkhidmatan komputer dan telekomunikasi yang terkandung dalam eksport perkhidmatan di negara-negara membangun Asia berasal dari dalam negara .

Walaupun dengan semua kemajuan yang tercapai, akses kepada ekonomi digital masih tidak serata di dalam dan di antara negara-negara Asia yang membangun. Sebagai contoh, kadar penggunaan Internet dan prasyarat untuk penyertaan dalam kebanyakan aspek ekonomi digital adalah berbeza, antara 81% kadar penyertaan penduduk di Singapura dan 22% kadar penyertaan penduduk di Laos PDR.

Tinjauan tersebut juga menyatakan bahawa integrasi serantau semakin mendalam dari segi perdagangan, tenaga kerja dan kewangan sejak akhir-akhir ini. Inisiatif yang mempromosikan integrasi adalah penting

untuk mengekalkan kestabilan pertumbuhan di rantau ini dan untuk mencapai visi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang bersatu dengan lancarnya pada masa akan datang.

Untuk maklumat lanjut, wartawan-wartawan semua dijemput untuk menghubungi Kensuke Tanaka, Ketua Bahagian Asia, Pusat Pembangunan OECD (Kensuke.Tanaka@oecd.org; Tel: +33 (0) 6 27 19 05 19) dan Bochra Kriout (Bochra.Kriout@oecd.org; Tel: +33 145 24 82 96) di Pejabat Akhbar.

Untuk maklumat lanjut tentang Tinjauan Ekonomi untuk Asia Tenggara, China dan India 2018 dan nota-nota negara tersebut, sila layari: <http://www.oecd.org/dev/asia-pacific/>.

Mengenai laporan ini

Tinjauan Ekonomi untuk Asia Tenggara, China dan India 2018 dikeluarkan dengan kerjasama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial PBB untuk Asia dan Pasifik (UNESCAP) dan Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA). Tinjauan 2018 ini merangkumi analisis mengenai pembangunan semasa dalam hal dasar-dasar utama integrasi serantau, nota-nota negara yang membincangkan cabaran perubahan struktur domestik di antara sepuluh negara ASEAN, China dan juga India.

Tinjaun ini menyumbang kepada Program Serantau Asia Tenggara OECD, yang bertujuan untuk memupuk pembelajaran bersama dan pertukaran amalan baik antara pembuat-pembuat dasar di Asia Tenggara dan juga negara-negara anggota OECD.